



KERTAS CADANGAN

KURSUS PEMURNIAN KUMPULAN KREATIF DAN INOVATIF (KIK)

untuk

**KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN, TANAH ADAT DAN
PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK (MANRED)**

Disediakan oleh:

**Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Wilayah Sarawak
Lot 894, Lorong Demak Laut 3A
Taman Perindustrian Demak Laut
93050 Kuching.**

**Tel: 082 - 439959/439960
Faks: 082 – 433172/439969
Laman Web: <http://www.mpc.gov.my>**

10 MEI 2021

KERTAS CADANGAN
KURSUS PEMURNIAN KUMPULAN KREATIF DAN INOVATIF (KIK)
KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN, TANAH ADAT DAN PEMBANGUNAN
WILAYAH SARAWAK (MANRED)

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Kertas cadangan ini disediakan sebagai memenuhi permintaan daripada pihak Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) untuk mengadakan Bengkel Pemurnian KIK.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Falsafah dan matlamat utama aktiviti KIK adalah untuk membangunkan sumber tenaga manusia menjadi lebih efisien dan efektif. Melalui KIK, ahli-ahli diberikan ruang, peluang dan pendedahan bagi mereka untuk menjana potensi diri demi kemajuan diri dan organisasi.
- 2.2 Selain daripada itu, budaya penambahbaikan berterusan ini diharap dapat diterapkan di dalam diri para peserta agar mutu perkhidmatan dan kualiti diri mereka bertambah baik, berkembang dan meningkat dari semasa ke semasa.
- 2.3 Untuk mencapai tahap "*competence problem solver*" atau menjadi ahli KIK yang berwibawa, peserta mestilah merasai sendiri pengalaman memula, melaksana, mengubahsuai, serta menyemak projek. Proses pengukuhan ilmu dan kemahiran di bidang KIK adalah mencabar tetapi amat bermakna.
- 2.4 Bengkel ini dirancang bagi membantu organisasi menambahbaik projek KIK sedia ada agar memenuhi kriteria persembahan yang diperlukan dan bersedia untuk mempersembahkan projek di konvensyen KIK.

3.0 OBJEKTIF KURSUS

- 3.1 Di akhir program ini para peserta akan:
- Dapat memperbaiki susun atur (flow) projek mengikut kitaran PDCA yang diperlukan dalam projek KIK.
 - Menyiapkan persembahan projek mengikut turutan yang diperlukan dalam kriteria projek KIK.
 - Mengembangkan kemahiran menjalankan dan

melaksanakan projek KIK.

- Mengetahui kehendak dan interpretasi kriteria yang ditetapkan dalam konvensyen KIK.

4.0 KANDUNGAN PROGRAM

Bengkel Pemurnian KIK ini akan meliputi modul berikut:

(Sila rujuk *Lampiran I* untuk jadual kursus):

4.1 Program Bengkel Pemurnian Projek KIK:

- Asas KIK
 - Keperluan projek KIK.
- Penyediaan Slide Persembahan dan Keperluan Dokumentasi.
 - Sesi semakan status projek kumpulan: perbandingan dengan kriteria yang ditetapkan.
- Sesi Pemurnian:
 - Pengenalan
 - Pemilihan Projek
 - Penjelasan Projek
 - Analisa Projek.
 - Cadangan penyelesaian.
 - Tindakan penyeragaman.
 - Pencapaian hasil projek.
 - Penilaian kumpulan

5.0 KAEDAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

5.1 Kursus yang dijalankan 1 hari secara interaktif menggunakan platform atas talian akan menggunakan teknik latihan seperti Syarahan, Perbincangan dan sesi Soal Jawab. Maksimum kursus secara atas talian adalah selama **4 jam sehari sahaja**.

6.0 PESERTA

- 6.1 Pemilihan peserta untuk mengikuti kursus atas talian ini dibuat sepenuhnya oleh pihak organisasi .
- 6.2 Untuk tujuan keberkesanan kursus secara atas talian, bilangan peserta dihadkan kepada jumlah maksima seramai **20 orang** sahaja

untuk setiap sesi program. Setiap peserta tambahan akan dikenakan bayaran **RM140.00/org/hari**.

- 6.3 Di akhir kursus, peserta yang memenuhi syarat kehadiran akan dianugerahkan dengan sijil kehadiran. Sijil ini akan dikeluarkan oleh MPC Sarawak.

7.0 YURAN PROFESIONAL

- 7.1 Jumlah yuran profesional bagi kursus untuk 1 hari adalah **RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Ringgit) sahaja**.

BUTIRAN	RM
Yuran (RM 2,500.00 x 1 Hari) termasuk bayaran penggunaan platform atas talian MPC berjumlah RM500.00	3,000.00
JUMLAH	3,000.00

- 7.2 Bayaran hendaklah dibuat kepada **“MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION”(MBB ISLAMIC : 561190058550)”**.

Manakala bayaran untuk penyediaan makan-minum, pengangkutan dan penginapan peserta (sekiranya ada) adalah ditanggung oleh pihak organisasi. Bil akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah kursus dijalankan. Pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak perlu membuat bayaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh bil dikeluarkan.

8.0 MAKLUMAT PROGRAM

- 8.1
- Tarikh: 8 Jun 2021 (Selasa)
 - Tempat: Zoom
 - Jangka masa program: 1 hari, 9.00 pg- 1.00 ptg
 - Bahasa Penghantar: Bahasa Melayu / Inggeris
- 8.2 Dalam keadaan di mana terdapat pertindihan dengan program lain yang telah disahkan terlebih dahulu, pihak MPC berhak mencadangkan tarikh lain. Pada masa yang sama pihak organisasi juga boleh menundakan tarikh yang telah dipersetujui di atas oleh sebab tertentu.
- 8.3 Mana-mana pembatalan, penangguhan atau perubahan butir-butir program yang dibuat oleh pelanggan hendaklah

dimaklumkan kepada pihak MPC secara bertulis dua minggu sebelum tarikh program sebenar.

9.0 PENERIMAAN KERTAS CADANGAN

- 9.1 Pengesahan bertulis dari pihak MANRED adalah diperlukan sebelum program ini dijalankan. Ini dibuat dengan menyempurnakan dokumen "SURAT PERSETUJUAN ORGANISASI UNTUK MELAKSANAKAN KURSUS PERMINTAAN" di dalam dua salinan. Satu salinan hendaklah dikembalikan kepada MPC Sarawak.
- 9.2 Pengesahan tersebut hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 14 hari bekerja dari tarikh program hendak dijalankan.

10.0 MAKLUMAT TAMBAHAN

- 10.1 Pemantauan berterusan hendaklah dilakukan oleh pihak Jawatankuasa Pemandu dan Fasilitator untuk memastikan keberkesanannya projek yang dilaksanakan dan kumpulan bersedia untuk menyertai konvensyen.

11.0 KETERANGAN LANJUT

- 11.1 Sebarang maklumbalas dan pertanyaan, sila hubungi:
Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Wilayah Sarawak,
Lot 894, Lorong Demak Laut 3A,
Taman Perindustrian Demak Laut,
93050 Kuching.
(u.p.: Khatijah Rahmat/ Norijah Juen)
E-mel: khatijah@mpc.gov.my / norijah@mpc.gov.my)
Tel: 082-439959 / 439960 Faks: 082-439969

PROGRAM : KURSUS PEMURNIAN KUMPULAN KREATIF DAN INOVATIF (KIK)
TEMPAT : Zoom
TARIKH : 8 Jun 2021

Hari / Masa	Bil.	Perkara
<u>9.00 pagi – 5.00 petang</u>	1. Pembukaan dan pengenalan bengkel. 2. Bengkel #1: Penyelesaian Masalah ➤ Kitaran PDCA ➤ Pengenalan kepada alat-alat kualiti yang digunakan. (7 Tools) 3. Bengkel #2 :Penyediaan slide persembahan dan keperluan dokumentasi. 4. Bengkel #3: Sesi semakan status projek KIK sedia ada berbanding keperluan dan kehendak kriteria KIK 5. Dinamik Kumpulan #1: Sesi Pemurnian 6. Dinamik Kumpulan #2: Pengenalan 7. Dinamik Kumpulan #3: Pemilihan Projek 8. Dinamik Kumpulan #4: Analisa Projek 9. Dinamik Kumpulan #5: Cadangan Penyelesaian. 10. Dinamik Kumpulan #6: Tindakan Penyeragaman 11. Dinamik Kumpulan #7: Pencapaian Hasil Projek 12. Dinamik Kumpulan #8: Penilaian Kumpulan	Komen dan Cadangan Penambahbaikan Penutup Program

** Jadual program tertakluk kepada perubahan dan persetujuan antara MPC dan MANRED*